

NO. SOALAN: 35

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

**SOALAN :**

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah JAKIM bercadang memperluaskan perlantikan makmal panel halal ke Sarawak dan Sabah selepas TPM Biotech Sdn Bhd menjadi makmal panel halal pertama dilantik bagi mempercepatkan proses pengesahan dan pensijilan Halal Malaysia.

**JAWAPAN:** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyertaan dan permohonan untuk menjadi makmal panel halal adalah terbuka kepada makmal-makmal di seluruh Malaysia. Namun demikian, perlantikan makmal panel halal ini juga tertakluk kepada keperluan semasa dalam Pensijilan

Halal Malaysia dan makmal-makmal tersebut perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Antara syarat utama yang ditetapkan ialah makmal tersebut perlu terlebih dahulu mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan MS ISO/IEC 17025:2005. Di samping itu, makmal berkenaan perlu mempunyai Jawatankuasa Analisis Halal yang akan bertanggungjawab memantau pematuhan Manual Makmal Panel Halal. Permohonan pelantikan makmal panel halal ini boleh diperolehi di laman portal halal Jakim, iaitu [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

Sekian, terima kasih.